

Zeyzelf® Twice weekly transdermal patch

Rivastigmine (4.6mg/24h, 9.5mg/24h)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zeyzelf® Twice weekly
2. Bagaimana Zeyzelf® Twice weekly berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zeyzelf® Twice weekly
4. Cara menggunakan Zeyzelf® Twice weekly
5. Semasa menggunakan Zeyzelf® Twice weekly
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zeyzelf® Twice weekly
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Zeyzelf® Twice weekly

Zeyzelf® Twice weekly digunakan untuk merawat pesakit dewasa yang mengalami demensia Alzheimer tahap ringan hingga sederhana, iaitu gangguan progresif pada otak yang secara beransur-ansur menjejaskan ingatan, keupayaan intelek, dan tingkah laku.

Bagaimana Zeyzelf® Twice weekly berfungsi

Bahan aktif dalam Zeyzelf® Twice weekly ialah rivastigmine.

Rivastigmine tergolong dalam kelas bahan yang dikenali sebagai perencat kolinesterase. Dalam pesakit yang mengalami demensia Alzheimer, sesetengah sel saraf di dalam otak mati, menyebabkan tahap rendah neurotransmitter asetilkolina (bahan yang membolehkan sel saraf berkomunikasi antara satu sama lain). Rivastigmine berfungsi dengan menghalang enzim yang memecahkan asetilkolina: asetilkolinesterase dan butirilkolinesterase. Dengan menghalang enzim ini, rivastigmine membantu meningkatkan tahap asetilkolina dalam otak, yang dapat mengurangkan gejala penyakit Alzheimer.

Sebelum menggunakan Zeyzelf® Twice weekly

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Zeyzelf® Twice weekly jika:

- Anda alah kepada rivastigmine (bahan aktif dalam Zeyzelf® Twice weekly) atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini (rujuk bahagian bahan-bahan lain dalam tampalan transdermal).
- Anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap ubat yang serupa (derivatif karbamat).
- Anda mengalami reaksi kulit yang merebak melebihi saiz tampalan, reaksi tempatan yang lebih teruk (seperti lepuh, keradangan kulit yang semakin teruk, bengkak) dan jika keadaan ini tidak bertambah baik dalam tempoh

48 jam selepas menanggalkan tampalan transdermal. Jika perkara di atas berlaku kepada anda, maklumkan kepada doktor anda dan jangan gunakan tampalan transdermal Zeyzelf® Twice weekly.

- Sebelum menggunakannya

Berunding dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Zeyzelf® Twice weekly jika anda:

- Mempunyai atau pernah mengalami masalah jantung seperti degupan jantung tidak teratur atau perlahan, pemanjangan QTc, sejarah keluarga pemanjangan QTc, torsade de pointes, atau paras kalium atau magnesium dalam darah yang rendah.
- Mempunyai atau pernah mengalami ulser perut yang aktif.
- Mempunyai atau pernah mengalami kesukaran membuang air kecil.
- Mempunyai atau pernah mengalami sawan.
- Mempunyai atau pernah mengalami asma atau penyakit pernafasan yang teruk.
- Mengalami gegaran.
- Mempunyai berat badan yang rendah.
- Mengalami reaksi gastrousus seperti loya, muntah dan cirit-birit. Anda mungkin mengalami dehidrasi (kehilangan cecair yang berlebihan) jika muntah atau cirit-birit berpanjangan.
- Mempunyai masalah fungsi hati.

Jika mana-mana keadaan di atas berlaku kepada anda, doktor anda mungkin perlu memantau anda dengan lebih teliti semasa anda menggunakan ubat ini.

Jika anda tidak memakai tampalan selama lebih daripada tiga hari, jangan gunakan tampalan seterusnya sebelum berbincang dengan doktor anda.

Tanggalkan sebarang tampalan yang sedia ada dengan berhati-hati sebelum meletakkan tampalan yang baharu. Jangan gunakan lebih daripada satu tampalan pada masa yang sama kerana ia boleh menyebabkan anda menerima lebih banyak ubat daripada yang sepatutnya.

- Kanak-kanak dan remaja
Penggunaan Zeyzelf® Twice weekly tidak berkaitan dengan populasi pediatrik dalam rawatan penyakit Alzheimer.

- Kehamilan dan penyusuan

Jika anda hamil, menyusukan anak, mengesyaki anda hamil, atau merancang untuk hamil, minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Jika anda hamil, manfaat penggunaan Zeyzelf® Twice weekly mesti ditimbang dengan kemungkinan kesannya terhadap bayi dalam kandungan. Zeyzelf® Twice weekly tidak boleh digunakan semasa kehamilan melainkan benar-benar diperlukan.

Anda tidak boleh menyusukan bayi semasa menjalani rawatan dengan tampalan transdermal Zeyzelf® Twice weekly.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil, baru sahaja mengambil, atau mungkin mengambil sebarang ubat lain.

Zeyzelf® Twice weekly boleh mengganggu ubat antikolinergik, termasuk ubat untuk meredakan kekejangan perut (contohnya

dicyclomine), merawat penyakit Parkinson (contohnya amantadine), atau mencegah mabuk perjalanan (contohnya diphenhydramine, scopolamine, atau meclizine).

Tampalan Zeyzelf® Twice weekly tidak boleh digunakan bersama metoclopramide (ubat untuk merawat atau mencegah loya dan muntah). Penggunaan kedua-dua ubat ini secara serentak boleh menyebabkan masalah seperti kekakuan anggota badan dan tangan menggeletar.

Jika anda perlu menjalani pembedahan semasa menggunakan tampalan transdermal Zeyzelf® Twice weekly, maklumkan kepada doktor bahawa anda sedang menggunakannya kerana ia boleh meningkatkan kesan beberapa ubat pelali otot semasa anestesia.

Berhati-hati apabila Zeyzelf® Twice weekly diberikan bersama dengan beta-blocker (ubat seperti atenolol yang digunakan untuk merawat hipertensi, angina, dan keadaan jantung lain). Pengambilan kedua-dua ubat ini bersama boleh menyebabkan masalah seperti kadar degupan jantung menjadi perlahan (bradikardia) yang boleh membawa kepada pengsan atau kehilangan kesedaran.

Berhati-hati apabila Zeyzelf® Twice weekly diambil bersama-sama dengan produk perubatan yang boleh memanjangkan sistem elektrik jantung (QT interval) [termasuk tetapi tidak terhad kepada quinidine (ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung yang tidak teratur), amiodarone (ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung tidak teratur yang serius / membawa maut), pimoziide (ubat yang digunakan untuk ubat saraf pusat), halofantrine (ubat anti-malaria), cisapride (ubat merawat gejala pedih ulu hati pada waktu malam), citalopram (ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan), mizolastin (ubat antihistamin), ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria seperti moxifloxacin, erythromycin]. Doktor anda juga mungkin memantau keadaan klinikal anda mengikut keperluan.

Cara menggunakan Zeyzelf® Twice weekly

Gunakan ubat ini mengikut arahan doktor anda. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Cara memulakan rawatan

Doktor anda akan menentukan tampalan transdermal Zeyzelf® Twice weekly yang paling sesuai untuk anda.

Rawatan biasanya dimulakan dengan Zeyzelf® Twice weekly 4.6 mg/24 h.

- Dos harian yang disyorkan adalah 9.5 mg/24 jam. Jika boleh diterima dengan baik, doktor boleh mempertimbangkan untuk meningkatkan dos kepada 13.3 mg/24 jam. Dos 13.3 mg/24 jam tidak boleh dicapai dengan Zeyzelf® Twice weekly. Untuk keadaan yang memerlukan kekuatan ini, tampalan transdermal lain yang mengandungi rivastigmine dengan kekuatan 13.3 mg/24 jam tersedia.
- Hanya pakai satu tampalan transdermal berbentuk segi empat dan satu penutup pelekat berbentuk bujur pada satu masa (seperti yang diterangkan dengan lebih terperinci di bawah) dan gantikan dua kali seminggu, selewat-lewatnya selepas 4 hari.

Anda harus menukar tampalan pada dua hari tetap dalam seminggu, iaitu:

Setiap pada:

**Isnin dan Jumaat ATAU
Selasa dan Sabtu ATAU
Rabu dan Ahad ATAU
Khamis dan Isnin ATAU
Jumaat dan Selasa ATAU
Sabtu dan Rabu ATAU
Ahad dan Khamis.**

Sentiasa tukar tampalan pada masa yang sama setiap hari. Sebagai peringatan, anda disarankan untuk mencatat hari dan masa pemakaian tampalan.

Sepanjang rawatan, doktor anda mungkin menyesuaikan dos mengikut keperluan anda.


Jika anda tidak memakai tampalan transdermal selama lebih daripada tiga hari, jangan gunakan tampalan seterusnya sebelum berbincang dengan doktor anda. Rawatan dengan tampalan transdermal boleh disambung pada dos yang sama jika rawatan tidak terganggu lebih daripada tiga hari. Jika tidak, doktor anda akan memulakan semula rawatan dengan Zeyzelf® Twice weekly 4.6 mg/24 jam.

Zeyzelf® Twice weekly boleh digunakan dengan makanan, minuman dan alkohol.

Di mana untuk memakai Zeyzelf® Twice weekly

- Sebelum memakai tampalan, pastikan kulit anda bersih, kering dan tidak berbulu, bebas daripada sebarang bedak, minyak, pelembap, atau losyen yang boleh menghalang tampalan daripada melekat dengan betul, tidak mempunyai luka, ruam atau iritasi.
- Tanggalkan tampalan lama sebelum memakai yang baru. Memakai lebih daripada satu tampalan pada badan boleh menyebabkan pendedahan berlebihan kepada ubat ini, yang boleh berbahaya.
- Pakai SATU tampalan transdermal berbentuk segi empat bersama SATU penutup pelekat pada SATU lokasi sahaja seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:-
 - Lengan atas kiri atau kanan
 - Dada atas kiri atau kanan (elakkan bahagian payudara)
 - Belakang atas kiri atau kanan
 - Belakang bawah kiri atau kanan

Selewat-lewatnya selepas 4 hari, tanggalkan tampalan lama sebelum meletakkan SATU tampalan transdermal baharu bersama satu penutup pelekat pada SATU lokasi yang berbeza seperti yang ditunjukkan.




Apabila menukar tampalan, anda mesti menanggalkan tampalan lama sebelum memakai tampalan baharu di lokasi kulit yang berbeza setiap kali (contohnya di sebelah kanan badan selama empat hari, kemudian di sebelah kiri selama tiga hari, di i bahagian atas badan selama empat hari, kemudian di bahagian bawah badan selama tiga hari berikutnya). Jangan memakai tampalan di tempat yang sama berturut-turut dalam masa 14 hari.

Bagaimana menggunakan Zeyzelf® Twice weekly
Zeyzelf® Twice weekly adalah untuk kegunaan transdermal.

Zeyzelf® Twice weekly patches terdiri daripada dua bahagian:

- Satu tampalan segi empat tepat, lut sinar yang mengandungi bahan aktif (tampalan transdermal), yang dimeterai dalam satu sachet, dan
- Satu tampalan fabrik bujur berwarna beige tanpa bahan aktif (penutup pelekat), yang juga dimeterai dalam satu sachet. Sachet ini lebih besar daripada sachet tampalan transdermal.




Tampalan transdermal yang mengandungi bahan aktif



Tampalan fabrik tanpa bahan aktif (untuk penetapan)


Jangan buka sachet atau keluarkan tampalan sehingga anda bersedia untuk menggunakannya.

Aplikasi sentiasa dimulakan dengan tampalan transdermal segi empat tepat.



Sila tanggalkan tampalan lama dengan berhati-hati sebelum menggunakan tampalan baru.


Bagi pesakit yang memulakan rawatan buat kali pertama dan pesakit yang memulakan semula rawatan rivastigmine selepas gangguan rawatan, sila rujuk gambar seterusnya untuk langkah-langkah berikut.



Setiap tampalan transdermal dimeterai dalam sachetnya sendiri. Anda hanya perlu membuka sachet apabila bersedia untuk menggunakannya.


Potong sachet pada kedua-dua tanda gunting, tetapi jangan melebihi garis yang ditetapkan. Koyakkan sachet untuk membukanya. Jangan potong keseluruhan panjang sachet untuk mengelakkan kerosakan pada tampalan.

Keluarkan tampalan transdermal segi empat tepat yang lut sinar dari sachet.



Satu pelapik pelindung menutupi bahagian tampalan yang melekit.


Tanggalkan satu sisi pelapik pelindung dan elakkan menyentuh bahagian tampalan yang melekit dengan jari.



Letakkan bahagian melekit tampalan pada bahagian atas atau bawah belakang, lengan atas, atau dada, kemudian tanggalkan sisi kedua pelapik pelindung.


Kemudian tekan tampalan dengan kuat pada tempatnya selama kira-kira 15 saat menggunakan tapak tangan untuk memastikan bahagian tepinya melekat dengan baik

Teruskan dengan aplikasi penutup pelekat bujur.




Potong sachet kedua yang lebih besar pada kedua-dua tanda gunting, tetapi jangan melebihi garis yang ditetapkan. Koyakkan sachet untuk membukanya. Jangan potong keseluruhan panjang sachet untuk mengelakkan kerosakan pada penutup pelekat tanpa bahan aktif.

Keluarkan penutup pelekat bujur berwarna beige dari sachet.



Satu pelapik pelindung menutupi bahagian melekit tampalan.

Kupas bahagian kecil pelapik pelindung dan jangan sentuh bahagian melekit tampalan dengan jari.



Letakkan penutup pelekat dengan bahagian melekit di atas tampalan transdermal yang telah dilekatkan supaya ia dilindungi sepenuhnya, kemudian kupas separuh kedua pelapik pelindung.



Tekan tampalan dengan kuat menggunakan tapak tangan sekurang-kurangnya selama 30 saat untuk memastikan bahagian tepi melekat dengan baik.

Jika perlu, anda boleh menulis, sebagai contoh, hari dalam seminggu pada penutup pelekat menggunakan pen mata bulat yang nipis.

Tampalan harus dipakai secara berterusan sehingga tiba masa untuk menggantikannya dengan yang baharu. Anda boleh mencuba lokasi yang berbeza semasa menggunakan tampalan baharu untuk mencari tempat yang paling selesa dan di mana pakaian tidak akan bergesel dengan tampalan.

Cara menanggalkan Zeyzelf® Twice weekly

Tarik perlahan satu bahagian tepi penutup pelekat untuk menanggalkannya bersama dengan tampalan transdermal dari kulit.

Jika tampalan masih melekat pada kulit, tarik perlahan satu bahagian tepi sehingga ia tertanggal sepenuhnya.

Jika terdapat sisa pelekat pada kulit, rendam kawasan tersebut dengan air suam dan sabun lembut atau gunakan minyak bayi untuk menanggalkannya. Jangan gunakan alkohol atau cecair pelarut lain (contohnya, penanggal pengilat kuku atau pelarut lain).

Cuci tangan dengan sabun dan air selepas menanggalkan tampalan. Jika terkena mata atau mata menjadi merah selepas mengendalikan tampalan, bilas segera dengan banyak air dan dapatkan nasihat perubatan jika simptom tidak reda.

Bolehkah Anda Memakai Zeyzelf® Twice weekly Semasa Mandi, Berenang atau Terkena Matahari?

- Mandi, berenang atau bersiram tidak sepatutnya menjejaskan tampalan. Pastikan tampalan tidak longgar semasa aktiviti ini.
- Jangan dedahkan tampalan kepada sumber haba luaran (contohnya, cahaya matahari berlebihan, sauna, solarium) untuk tempoh yang lama.

Apa yang Perlu Dilakukan Jika Tampalan Tertanggal?

Jika tampalan tertanggal, tampalkan yang baharu dan gantikan pada waktu yang sama seperti biasa.

Bila dan Berapa Lama Anda Perlu Memakai Zeyzelf® Twice weekly?

- Untuk mendapat manfaat rawatan, anda mesti memakai tampalan baharu dua kali seminggu, selewat-lewatnya selepas empat hari, sebaiknya pada waktu yang sama setiap hari.
- Hanya pakai satu tampalan transdermal berbentuk segi empat tepat dan satu penutup pelekat berbentuk bujur pada satu masa. Gantikan tampalan dengan yang baharu dua kali seminggu pada dua hari tetap.

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja memakai lebih daripada satu tampalan transdermal, tanggalkan semua tampalan dari kulit dan maklumkan kepada doktor bahawa anda telah memakai lebih daripada satu tampalan secara tidak sengaja. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan. Beberapa orang yang secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak rivastigmine mengalami rasa loya (mual), muntah, cirit-birit, tekanan darah tinggi, dan halusinasi. Denyutan jantung perlahan dan pengsan juga boleh berlaku.

-Jika anda terlupa menggunakan

Jika anda terlupa memakai tampalan, segera pakai satu tampalan sebaik sahaja anda ingat, dengan syarat rawatan tidak terhenti lebih daripada tiga hari.

Gantikan tampalan ini pada waktu biasa pada hari yang ditetapkan untuk kembali kepada jadual dos anda.

Jangan pakai dua tampalan transdermal untuk menggantikan yang terlepas. Jika anda tidak memakai tampalan lebih daripada tiga hari, jangan gunakan yang seterusnya sebelum berunding dengan doktor.

-Jika Anda Berhenti Menggunakan Zeyzelf® Twice weekly

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhenti menggunakan tampalan ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanyakan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa Menggunakan Zeyzelf® Twice weekly

- Perkara yang Anda Mesti Lakukan
Gunakan ubat ini tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi, dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zeyzelf® Twice weekly.

Segera beritahu doktor anda jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil Zeyzelf® Twice weekly hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang Anda Tidak Boleh Lakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Zeyzelf® Twice weekly kepada sesiapa pun, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang Perlu Diberi Perhatian

- Memandu dan Menggunakan Mesin

Doktor anda akan memberitahu sama ada keadaan anda membolehkan anda memandu atau menggunakan mesin dengan selamat. Tampalan transdermal Zeyzelf® Twice weekly boleh menyebabkan pengsan atau kekeliruan yang teruk. Jika anda berasa pengsan atau keliru, jangan memandu, menggunakan mesin, atau melakukan sebarang tugas yang memerlukan perhatian anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Anda mungkin mengalami kesan sampingan dengan lebih kerap apabila anda mula menggunakan ubat ini atau apabila dos anda dinaikkan. Biasanya, kesan sampingan ini akan beransur hilang apabila badan anda menyesuaikan diri dengan ubat ini.

Tanggalkan tampalan anda dan segera beritahu doktor jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang boleh menjadi serius:

Kesan Sampingan Biasa (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 10 Orang)

- Hilang selera makan
- Rasa pening
- Rasa gelisah atau mengantuk
- Inkontinens urin (ketidakupayaan menahan kencing dengan secukupnya)

Kesan Sampingan Tidak Biasa (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 100 Orang)

- Masalah degupan jantung seperti degupan jantung perlahan
- Melihat sesuatu yang tidak wujud (halusinasi)
- Ulser perut
- Dehidrasi (kehilangan terlalu banyak cecair)
- Hiperaktif (tahap aktiviti tinggi, gelisah)
- Agresif

Kesan Sampingan Jarang (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 1,000 Orang)

- Terjatuh

Kesan Sampingan Sangat Jarang (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 10,000 Orang)

- Kekejangan pada lengan atau kaki
- Tangan menggeletar

Tidak Diketahui (Kekerapan Tidak Dapat Dianggarkan Berdasarkan Data Yang Ada)

- Reaksi alahan di kawasan tampalan, seperti lepuh atau kulit meradang
- Gejala penyakit Parkinson bertambah teruk – seperti gegaran, kekakuan, dan langkah terseret
- Keradangan pankreas – tanda-tanda termasuk sakit perut bahagian atas yang serius, selalunya dengan rasa loya atau muntah
- Degupan jantung cepat atau tidak sekata

- Tekanan darah tinggi
- Sawan
- Gangguan hati (kulit atau mata menjadi kuning, air kencing gelap, loya, muntah, keletihan yang tidak dapat dijelaskan, dan hilang selera makan)
- Perubahan dalam ujian fungsi hati
- Rasa gelisah
- Mimpi ngeri

Tanggalkan tampalan anda dan segera beritahu doktor jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan di atas.

Kesan Sampingan Lain yang Dilihat dengan Kapsul atau Larutan Oral Rivastigmine dan Mungkin Berlaku dengan Tampalan:

Biasa (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 10 Orang)

- Air liur berlebihan
- Hilang selera makan
- Rasa gelisah
- Rasa tidak sihat secara umum
- Tangan menggeletar atau rasa keliru
- Berpeluh berlebihan

Tidak Biasa (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 100 Orang)

- Degupan jantung tidak sekata (contohnya, degupan jantung laju)
- Sukar tidur
- Terjatuh secara tidak sengaja

Jarang (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 1,000 Orang)

- Sawan
- Ulser dalam usus
- Sakit dada yang mungkin disebabkan oleh kekejangan jantung

Sangat Jarang (Mungkin Menjejaskan Sehingga 1 dalam 10,000 Orang)

- Tekanan darah tinggi
- Keradangan pankreas – tanda-tanda termasuk sakit perut bahagian atas yang serius, selalunya dengan rasa loya atau muntah
- Pendarahan dalam usus – ditunjukkan sebagai darah dalam najis atau muntah berdarah
- Melihat sesuatu yang tidak ada (halusinasi)
- Beberapa individu yang mengalami muntah teruk telah mengalami koyakan pada esofagus (saluran yang menghubungkan mulut ke perut)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Laporan Kesan Sampingan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Zeyzelf® Twice weekly

- Penyimpanan

- Jauhkan ubat ini daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.
- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan sachet selepas EXP. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.
- Jangan gunakan tampalan yang rosak atau menunjukkan tanda-tanda telah diusik.
- Simpan di bawah 30°C.

- Pelupusan

Selepas menanggalkan tampalan, lipat dua dengan bahagian melekit di bahagian dalam dan tekan bersama. Masukkan tampalan yang telah digunakan ke dalam sachetnya dan buang dengan cara yang tidak boleh diakses oleh kanak-kanak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Setiap tampalan transdermal adalah tampalan nipis berbentuk segi empat tepat dengan sudut yang dibulatkan. Tampalan ini bersifat lut sinar dan dilabelkan seperti berikut:

- Zeyzelf® Twice weekly 4.6 mg/24 h transdermal patches: RID-TDS 4.6 mg/24 h

- Zeyzelf® Twice weekly 9.5 mg/24 h transdermal patches: RID-TDS 9.5 mg/24 h

Tampalan transdermal dibungkus secara berasingan dalam sachet yang dilabelkan seperti berikut:

-Zeyzelf® Twice weekly 4.6 mg/24 h transdermal patches

-Zeyzelf® Twice weekly 9.5 mg/24 h transdermal patches

Setiap bungkusan mengandungi tampalan transdermal bersama pelekat tambahan untuk penetapan.

Setiap pelekat tambahan adalah tampalan nipis berwarna beige berbentuk oval.

Pelekat tambahan dibungkus secara berasingan dalam sachet yang dilabelkan seperti berikut: Pelekat tambahan tanpa bahan aktif

Zeyzelf® Twice weekly tampalan transdermal tersedia dalam pek yang mengandungi 8 tampalan transdermal dan 8 pelekat tambahan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: rivastigmine.

Zeyzelf® Twice weekly 4.6 mg/24 h transdermal patches:

Setiap tampalan transdermal melepaskan 4.6 mg rivastigmine setiap 24 jam.

Setiap tampalan transdermal bersaiz 10.8 cm² mengandungi 25.92 mg rivastigmine.

Zeyzelf® Twice weekly 9.5 mg/24 h transdermal patches:

Setiap tampalan transdermal melepaskan 9.5 mg rivastigmine setiap 24 jam.

Setiap tampalan transdermal bersaiz 21.6 cm² mengandungi 51.84 mg rivastigmine.

Bahan lain dalam tampalan transdermal:

Lapisan belakang: polyethylene terephthalate film

Lapisan aktif: tocopherol, poly[(2-ethylhexyl)acrylate, vinylacetate (1:1)]; copolymer of butyl acrylate and butyl methacrylate

Membran telap ubat: polyethylene film

Lapisan pelekat: medium molecular weight polyisobutylene, high molecular weight polyisobutylene, polybutene

Pelapik pelepasan: siliconised polyester film

Dakwat cetakan biru

- Nombor MAL:

Zeyzelf® Twice weekly 4.6 mg/24 h transdermal patches:

MAL*****

Zeyzelf® Twice weekly 9.5 mg/24 h transdermal patches:

MAL*****

Pengilang

Luye Pharma AG, Am Windfeld 35, 83714 Miesbach, Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

Luye Pharma (Malaysia) Sdn Bhd., G-02-09, Da Men USJ 1, 47600 Subang Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

21/08/2026

Nombor Siri

NPRA (R1) 25/035